A

Angela Dewi a/p Ganai Sannacy dan satu lagi lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05(M)-430–09 TAHUN 2023
CHE MOHD RUZIMA, AHMAD ZAIDI IBRAHIM DAN NOORIN BADARUDDIN HHMR
10 FEBRUARI 2025

C

Keterangan — Kebolehterimaan — Maklumat yang diterima daripada tertuduh — Perayu-perayu disabitkan di bawah s 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan — Perayu-perayu dijatuhkan hukuman gantung sampai mati — Perayu kedua memandu arah pihak polis yang membawa kepada penemuan senjata dan barang kes — Sama ada hakim bicara terkhilaf dalam mengaplikasikan s 27 Akta Keterangan 1950 berkenaan dengan keterangan pandu arah perayu kedua — Sama ada keterangan pandu arah relevan dan boleh diterima di bawah s 8 Akta Keterangan 1950 — Akta Keterangan 1950 ss 8 & 27

D

E

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Membunuh — Perayu-perayu disabitkan di bawah s 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan — Perayu-perayu dijatuhkan hukuman gantung sampai mati — Sama ada terdapat keterangan yang dapat menunjukkan niat perayu-perayu untuk menyebabkan kematian mangsa — Sama ada ketiadaan kesan DNA menyebabkan rantaian keterangan terputus — Sama ada teori 'last seen together' tidak wajar dijadikan sandaran oleh hakim bicara untuk mensabitkan perayu-perayu memandangkan perayu-perayu tinggal serumah dengan mangsa — Sama ada kelakuan perayu pertama selepas kejadian tidak menunjukkan niatnya untuk membunuh mangsa — Sama ada terdapat keraguan tentang punca kematian mangsa — Sama ada hakim bicara gagal menilai pembelaan perayu-perayu — Kanun Keseksaan ss 34, 300(c) & 302

F

G

H

Perayu pertama dan kedua dalam kes ini telah dituduh di bawah s 302 dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan ('KK') atas pertuduhan membunuh mangsa ('pertuduhan tersebut') di mana punca kematian mangsa dalam kes ini adalah 'blunt-force trauma to the head' seperti yang disahkan oleh pakar patologi forensik ('SP8'). Kes pendakwaan adalah berdasarkan keterangan daripada saksi-saksi pendakwaan antaranya SP11 yang merupakan isteri kedua mangsa, dan juga SP12 yang merupakan cucu mangsa. Sebelum kejadian, SP11 telah keluar daripada rumah mereka ('rumah tersebut') untuk menghantar SP12 dan seorang lagi cucu mangsa yang bernama Moganeswari ke sekolah dan sebelum meneruskan perjalanan, mereka berdua telah melihat perayu pertama (yang

I

memakai 'night dress') yang juga merupakan isteri pertama mangsa dan perayu kedua (yang memakai tshirt dan seluar pendek) sedang berbual di kawasan garaj depan rumah tersebut. Setelah lebih kurang lima minit meninggalkan rumah tersebut, SP11 berpatah balik kerana Moganeswari berasa tidak sihat. Apabila sampai di rumah tersebut, SP11 dan SP12 mendapati mangsa berada dalam keadaan berlumuran darah di atas sebuah sofa. Dalam keadaan kelam kabut tersebut, SP11 dan SP12 melihat perayu pertama berada berdekatan dengan kereta di garaj rumah tersebut dan pada ketika itu, perayu pertama telah bertukar pakaian kepada tshirt dan seluar, manakala perayu kedua tidak kelihatan. Perayu pertama telah membuat laporan polis yang menyatakan bahawa kejadian yang berlaku adalah kejadian samun kerana rantai emas yang dipakai mangsa telah tiada (ini juga merupakan pembelaan perayu-perayu dalam kes ini). Dalam proses menjalankan siasatan, pihak polis telah melakukan tangkapan ke atas kedua-dua perayu. Seterusnya, berdasarkan Kajang Report No 31683/20 ('P32'), SP14 menyatakan bahawa perayu kedua telah memandu arah pihak polis yang membawa kepada penemuan satu penukul besi dan seutas rantai leher emas di kawasan stor yang terletak di Bukit Angkat ('keterangan pandu arah perayu kedua'). Perayu-perayu kemudiannya telah dituduh dengan pertuduhan tersebut dan di akhir perbicaraan, hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') telah mensabitkan mereka bersalah dan menjatuhkan hukuman gantung sampai mati. Terkilan dengan keputusan tersebut, kedua-dua perayu memfailkan rayuan semasa. Alasan rayuan pertama yang dibangkitkan oleh perayu-perayu adalah bahawa ketiadaan keterangan yang dapat menunjukkan niat perayu-perayu untuk menyebabkan kematian mangsa. Berkenaan dengan alasan ini, perayu-perayu berhujah bahawa: (a) walaupun pihak pendakwaan bergantung kepada keterangan ikut keadaan, rantaian keterangan telah terputus apabila tiada kesan-kesan DNA yang dijumpai pada ekshibit-ekshibit yang dapat mengaitkan mereka dengan kejadian tersebut; (b) memandangkan perayu-perayu sememangnya tinggal bersama mangsa, maka teori 'last seen together' tidak wajar dijadikan sandaran oleh HMT untuk mensabitkan mereka dalam kejadian ini; (c) HMT telah terkhilaf dalam mengaplikasikan s 27 Akta Keterangan 1950 berkenaan dengan keterangan pandu arah perayu kedua; dan (d) kelakuan perayu pertama selepas kejadian (dia tidak melarikan diri, dia menangis ketika melihat mangsa berlumuran darah, dan dia telah melawat mangsa di hospital ('kelakuan perayu pertama tersebut')) tidak menunjukkan niat di pihaknya untuk membunuh mangsa. Alasan-alasan rayuan lain yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan punca kematian mangsa yang diragukan dan juga kegagalan HMT dalam menilai pembelaan perayu-perayu.

Diputuskan, menolak rayuan terhadap sabitan dan membenarkan rayuan terhadap hukuman:

(1) Berdasarkan prinsip yang diputuskan dalam kes-kes terdahulu, adalah jelas bahawa sekiranya keterangan yang dikemukakan oleh pihak

pendakwaan berasaskan keterangan bersandarkan keadaan, maka mahkamah perlu melihat keterangan-keterangan tersebut secara keseluruhan (*in totality*) dan bukannya secara berasingan (*in isolation*). Sekiranya terdapat hanya satu kesimpulan yang tidak boleh ditolak (*irresistible conclusion*), iaitu perayu-perayu yang melakukan perbuatan bunuh tersebut, maka sabitan berasaskan keterangan bersandarkan keadaan tersebut adalah selamat (lihat perenggan 11).

(2) Keterangan DNA hanyalah merupakan keterangan sokongan sekiranya ada. Mahkamah mendapati ketiadaan keterangan DNA semata-mata tidak dapat menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas keterangan bersandarkan keadaan yang 'overwhelming' yang telah dikemukakan di dalam kes ini. Mahkamah merujuk kepada dapatan dan penemuan yang telah dibuat oleh HMT dan bersetuju bahawa berasaskan keterangan bersandarkan keadaan yang dibentangkan oleh pihak pendakwaan, tidak ada inferens lain yang boleh dibuat melainkan perayu-perayulah yang telah melakukan kecederaan ke atas mangsa yang telah mengakibatkan kematian mangsa (lihat perenggan 13–14).

(3) Nilai keterangan 'last seen together' antara lain adalah untuk menunjukkan peluang seorang tertuduh untuk melakukan jenayah terhadap mangsa. Keterangan tersebut merupakan keterangan sokongan yang menyokong keterangan-keterangan lain dan ia tidak boleh dinilai secara berasingan. Dalam kes semasa, mahkamah bersetuju dengan dapatan HMT bahawa apabila dinilai dengan keseluruhan keterangan yang lain, adalah tidak dapat dinafikan bahawa perayu-perayu telah melakukan kecederaan ke atas mangsa yang telah mengakibatkan kematian mangsa. Antaranya, terdapat keterangan-keterangan yang menzahirkan motif khususnya di pihak perayu pertama untuk membunuh mangsa. Walaupun motif bukanlah inti pati pertuduhan yang perlu dibuktikan, namun ia relevan dan merupakan keterangan sokongan kepada keterangan ikut keadaan (lihat perenggan 16 & 19–21).

(4) Berasaskan keterangan bersandarkan keadaan, mahkamah mendapati bahawa HMT tidak terkhilaf dalam membuat inferens bahawa perayu-perayu telah dengan niat hendak menyebabkan kecederaan tubuh mangsa, dan kecederaan tubuh yang dimaksudkan hendak dikenakan itu adalah cukup, pada lazimnya menyebabkan kematian, berdasarkan kepada alasan-alasan berikut: (a) SP11, SP12, anak mangsa (SP13) dan pemandu peribadi mangsa (SP16) mengesahkan bahawa perayu pertama selalu bergaduh dengan mangsa; (b) SP13 menyatakan bahawa perayu pertama pernah mengatakan kepada SP13 bahawa dia tidak berpuas hati dengan mangsa dan meminta SP13 memasukkan serbuk ke dalam makanan mangsa; dan (c) perayu kedua telah memandu

arah pihak polis yang membawa kepada penemuan tukul besi serta rantai leher emas milik mangsa (lihat perenggan 22).

(5) Pembelaan perayu pertama yang menyatakan bahawa mangsa telah dicederakan semasa kejadian rompakan ternyata tidak benar berdasarkan penemuan tukul besi serta rantai leher emas milik mangsa oleh pihak polis hasil daripada tunjuk arah oleh perayu kedua. Berdasarkan P32, SP14 telah membuat laporan bahawa perayu kedua telah memaklumkan bahawa 'tukul dan rantai simpan di stor kakak saya di Bukit Angkat'. Mahkamah mendapati bahawa maklumat tersebut boleh diterima masuk sebagai keterangan di bawah s 27 Akta Keterangan 1950. Jika pun keterangan pandu arah tersebut tidak boleh diterima masuk menurut s 27 Akta Keterangan 1950, keterangan tersebut masih boleh diterima masuk dan relevan menurut s 8 Akta Keterangan 1950 (lihat perenggan 23, 27, 29–30 & 32).

(6) Mahkamah berpandangan kelakuan perayu pertama tersebut tidak membawa apa-apa keraguan kepada kes pendakwaan. Pembuktian niat di pihak perayu pertama dan kedua boleh dilihat semasa dan sejurus selepas kejadian, dan dapat disimpulkan (*infer*) melalui keterangan-keterangan berikut: (a) perayu pertama telah beberapa kali meminta bantuan SP13 dan SP16 untuk cuba membunuh mangsa; (b) kedua-dua perayu yang tinggal serumah dengan mangsa mengetahui bilakah mangsa berseorangan serta mempunyai peluang untuk membunuh mangsa; (c) perayu kedua telah menunjuk arah kepada penemuan senjata yang digunakan dan rantai emas milik mangsa yang telah disembunyikan oleh perayu kedua dan kerana itulah, perayu kedua tidak berada di tempat kejadian sejurus sahaja kejadian tersebut berlaku; dan (d) walaupun perayu pertama menyatakan kepada pegawai penyiasat ('SP15') bahawa dia sedang mengemas stor semasa kejadian, namun SP15 mendapati keadaan stor tersebut berselerak dan tidak menunjukkan perbuatan mengemas oleh sesiapa (lihat perenggan 35).

(7) Setelah meneliti keterangan-keterangan yang dikemukakan semasa perbicaraan, mahkamah mendapati bahawa walaupun mangsa telah mati sepuluh hari selepas tarikh kejadian, kecederaan yang dialaminya jatuh di bawah s 300(c) KK. Keterangan yang telah diberikan oleh SP8 dan pegawai perubatan yang merawat mangsa (SP2) apabila dinilai dengan keterangan-keterangan bersandarkan keadaan yang telah dikemukakan membawa kepada 'irresistable conclusion' bahawa perayu-perayu telah melakukan perbuatan dengan niat hendak menyebabkan bencana tubuh kepada mangsa dan bencana tubuh yang telah dilakukan itu cukup pada lazimnya menyebabkan kematian mangsa (lihat perenggan 41).

(8) Berkenaan dengan pembelaan perayu-perayu, mahkamah telah meneliti keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan di peringkat pendakwaan dan keterangan tidak bersumpah perayu-perayu.

Mahkamah bersetuju dengan dapatan HMT bahawa pembelaan yang kemukakan oleh perayu-perayu adalah bersifat penafian semata-mata dan tambahan pula, keterangan perayu-perayu telah diberikan secara tidak bersumpah, maka tidak banyak pemberatan yang wajar diberikan kepada keterangan perayu-perayu. Hakim Mahkamah Tinggi tidak terkhilaf semasa mendapati pembelaan perayu-perayu tidak dapat menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan (lihat perenggan 47).

(9) Berkaitan dengan hukuman, mahkamah menggunakan budi bicara sepertimana yang termaktub dalam Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 (Akta 846) yang memperuntukkan budi bicara kepada mahkamah sama ada untuk menjatuhkan hukuman mati ataupun hukuman penjara tidak kurang dari 30 tahun dan tidak lebih dari 40 tahun serta 12 kali sebatan. Mahkamah berpendapat bahawa kedua-dua perayu wajar diberikan peluang untuk kembali ke pangkuan keluarga dan masyarakat setelah selesai menjalani hukuman penjara. Justeru, mahkamah menjatuhkan hukuman-hukuman berikut kepada perayu-perayu: (a) perayu pertama — 33 tahun penjara dari tarikh tangkap dan tiada sebatan rotan; dan (b) perayu kedua — 33 tahun penjara dari tarikh tangkap dan 12 sebatan (lihat perenggan 49–50).

[English summary

The first and second appellants in the present case were charged under s 302 read together with s 34 of the Penal Code ('the PC') for the offence of murdering the victim ('the said charge') where the cause of death of the victim in this case was 'blunt-force trauma to the head' as confirmed by a forensic pathologist ('SP8'). The prosecution case was based on the evidence of prosecution witnesses including SP11 who was the victim's second wife, and SP12 who was the victim's grandchild. Before the incident, SP11 had left their house ('the house') to send SP12 and another grandchild of the victim named Moganeswari to school and before continuing their journey, they both saw the first appellant (who was wearing a 'night dress') who was also the victim's first wife and the second appellant (who was wearing a tshirt and shorts) chatting in the garage area in front of the house. After approximately five minutes of leaving the house, SP11 turned back because Moganeswari was feeling unwell. Upon arriving at the house, SP11 and SP12 found the victim lying in a pool of blood on a sofa. In the chaos, SP11 and SP12 saw the first appellant near the car in the garage of the house and at that time, the first appellant had changed into a tshirt and trousers, while the second appellant was nowhere to be seen. The first appellant lodged a police report stating that the incident that happened was a robbery because the gold chain worn by the victim was missing (this was also the appellants' defence in the present case). In the process of conducting the investigation, the police arrested both appellants. Subsequently, based on Kajang Report No 31683/20 ('P32'), SP14 stated that the second appellant

had guided the police which led to the discovery of an iron hammer and a gold necklace in the store area located in Bukit Angkat ('the second appellant's directions evidence'). The appellants were then charged with the said charge and at the end of the trial, the High Court judge ('the HCJ') convicted them and sentenced them to death by hanging. Aggrieved by the decision, both appellants filed the present appeal. The first ground of appeal raised by the appellants was that there was no evidence to show that the appellants had an intention to cause the death of the victim. In relation to this ground, the appellants argued that: (a) although the prosecution relied on circumstantial evidence, the chain of evidence was broken when there were no traces of DNA found on the exhibits that could link them to the incident; (b) since the appellants were indeed living with the victim, the 'last seen together' theory should not have been relied upon by the HCJ to convict them in this incident; (c) the HCJ had erred in applying s 27 of the Evidence Act 1950 in relation to the second appellant's directions evidence; and (d) the first appellant's conduct after the incident (she did not run away, she cried when she saw the victim covered in blood, and she had visited the victim in hospital ('the conduct of the first appellant')) did not show an intention on her part to kill the victim. Other grounds of appeal raised were related to the questionable cause of death of the victim and also the failure of the HCJ in assessing the appellants' defence.

Held, dismissing the appeal against conviction and allowing the appeal against sentence:

(1) Based on the principles decided in previous cases, it was clear that if the evidence adduced by the prosecution was based on circumstantial evidence, then the court must look at the evidence in totality and not in isolation. If there was only one irresistible conclusion, namely that the appellants committed the murder, then a conviction based on the circumstantial evidence was safe (see para 11).

(2) DNA evidence, if available, was only supporting evidence. The court found that the mere absence of DNA evidence could not raise a reasonable doubt on the overwhelming circumstantial evidence presented in the present case. The court referred to the findings by the HCJ and agreed that based on the circumstantial evidence presented by the prosecution, no other inference could be drawn except that the appellants had inflicted injuries on the victim which resulted in his death (see paras 13–14).

(3) The value of the 'last seen together' evidence, among others, was to show the opportunity of an accused to commit a crime against the victim. The said evidence was supporting evidence that supported other evidence and it could not be assessed in isolation. In the present case, the court agreed with the HCJ's finding that when the said evidence was assessed with all the other evidence, it could not be denied that the appellants inflicted

injuries on the victim which resulted in the victim's death. There was, inter alia, evidence that revealed a motive, particularly on the part of the first appellant, to kill the victim. Although motive was not the essence of the charge that needed to be proven, it was relevant and it was an evidence in support of the circumstantial evidence (see paras 16 & 19–21).

(4) Based on the circumstantial evidence, the court found that the HCJ did not err in inferring that the appellants had intended to cause bodily injury to the victim, and that the bodily injury intended to be inflicted was sufficient, in the ordinary course of nature to cause death, based on the following reasons: (a) SP11, SP12, the victim's son (SP13) and the victim's personal driver (SP16) confirmed that the first appellant had always fought with the victim; (b) SP13 stated that the first appellant had once told SP13 that she was unhappy with the victim and asked SP13 to put powder in the victim's food; and (c) the second appellant had guided the police in the direction which led to the discovery of the hammer and gold necklace belonging to the victim (see para 22).

(5) The first appellant's defence that the victim was being hurt during the robbery was found to be untrue based on the discovery of the hammer and the victim's gold necklace by the police as a result of the second appellant's directions. Based on P32, SP14 had made a report that the second appellant had informed that 'tukul dan rantai simpan di stor kakak saya di Bukit Angkat' ('the hammer and chain were kept in my sister's store in Bukit Angkat'). The court found that the said information was admissible as evidence under s 27 of the Evidence Act 1950. Even if the evidence was not admissible under s 27 of the Evidence Act 1950, the evidence was still admissible and relevant under s 8 of the Evidence Act 1950 (see paras 23, 27, 29–30 & 32).

(6) The court opined that the conduct of the first appellant did not cast any doubt on the prosecution's case. The evidence of intent on the part of the first and second appellants could be seen during and immediately after the incident, and could be inferred from the following evidence: (a) the first appellant had, for several times, requested the assistance of SP13 and SP16 in her attempt to kill the victim; (b) both appellants who lived in the same house as the victim knew when the victim was alone and had the opportunity to kill the victim; (c) the second appellant had pointed out the direction to the discovery of the weapon used and the victim's gold chain which were hidden by the second appellant and for that reason, the second appellant was not at the scene of the incident immediately after the incident occurred; and (d) although the first appellant stated to the investigating officer ('SP15') that she was cleaning up the store at the time of the incident, SP15 found the condition of the store to be in disarray and did not show any sign cleaning up by anyone (see para 35).

(7) Having examined the evidence adduced during the trial, the court found

that although the victim died ten days after the date of the incident, the injuries he suffered fell within s 300(c) of the PC. The evidence given by SP8 and the medical officer who treated the victim (SP2) when assessed with the circumstantial evidence adduced led to the 'irresistible conclusion' that the appellants had committed the act with the intention of causing bodily injury to the victim and that the bodily injury inflicted was sufficient in the ordinary course of nature to cause the death of the victim (see para 41).

(8) With regard to the appellants' defence, the court had examined the evidence adduced by the prosecution at the prosecution stage and the appellants' unsworn evidence. The court agreed with the finding of the HCJ that the defence adduced by the appellants was bare denial in nature and furthermore, the appellants' evidence was unsworn evidence, hence not much weight should be given to the appellants' evidence. The HCJ did not err in finding that the appellants' defence could not raise reasonable doubt on the prosecution's case (see para 47).

(9) In relation to the sentence, the court exercised its discretion as enshrined in the Abolition of Mandatory Death Penalty Act 2023 (Act 846) which provided the court with discretion to either impose the death penalty or a prison sentence of not less than 30 years and not more than 40 years and 12 strokes of whipping. The court was of the opinion that both appellants should be given the opportunity to return to their families and society after completing their prison sentences. Accordingly, the court imposed the following sentences on the appellants: (a) the first appellant — 33 years' imprisonment from the date of arrest and no whipping; and (b) the second appellant — 33 years' imprisonment from the date of arrest and 12 strokes of whipping (see paras 49–50).]

Kes-kes yang dirujuk

Amathevelli a/p Ramasamy v PP [2009] 2 MLJ 367, MP (dirujuk)
AN Venkatesh and another v State of Karnataka [2005] 7 SCC 714, MA (dirujuk)
Chan Chwen Kong v PP [1962] 1 MLJ 307; [1962] 1 LNS 22, MR (dirujuk)
Chang Kim Siong v PP [1968] 1 MLJ 36; [1967] 1 LNS 18, MP (dirujuk)
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP and another appeal [2015] 2 MLJ 293; [2015] 2 CLJ 145, MP (dirujuk)
DPP v Walker [1974] 1 WLR 1090, PC (dirujuk)
Idris v PP [1960] 1 MLJ 296; [1960] 1 LNS 40, MR (dirujuk)
Jayaraman & Ors v PP [1979] 2 MLJ 88; [1982] CLJ Rep 130 (dirujuk)
Juraimi bin Husin v PP [1988] 1 MLJ 63; [1998] 72 CLJ 383, MR (dirujuk)
Kagatree a/p Pechi v PP and another appeal [2023] 3 MLJ 154, MR (dirujuk)
Krishnan v PP [1987] 1 MLJ 292, MA (dirujuk)
Lingeswaran a/l Ramoo v Pendakwa Raya [2017] MLJU 957; [2017] 1 LNS 873, MR (dirujuk)

A *Mohd Naki bin Mohd Yusuf v PP* [2013] 5 MLJ 812, MR (diikut)
Pathmanabhan a/l Nalliannen v PP and other appeals [2017] 3 MLJ 141; [2017] 4 CLJ 137, MP (dirujuk)
PP v Magendran a/l Mohan [2005] 6 MLJ 6; [2005] 3 CLJ 592, MT (dirujuk)
PP v Shahrael Amer Suhaimi [2014] MLJU 1910; [2014] 7 CLJ 380, MR
B (dirujuk)
Sunny Ang v PP [1966] 2 MLJ 195; [1965] 1 LNS 171, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

C Akta Keterangan 1950 ss 8, 27
Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023
Kanun Keseksaan ss 34, 300(c), 302

Rayuan daripada: *Pendakwa Raya lwn Angela Dewi a/p Ganai Sannacy dan*
D *satu lagi* [2024] 8 MLJ 703 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

Manoharan Malayalam (Sarathabala a/l Balakrishnan dan Subramaniam a/l Paramasivam bersamanya) (M Manoharan & Co) bagi pihak perayu-perayu.
E *Tetralina bt Ahmed Fauzi (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.*

Noorin Badaruddin HMR:

F **[1]** Angela Dewi a/p Ganai Sannacy ('perayu pertama') dan Vijaya a/l Ganai Sannacy ('perayu kedua') (secara bersama dirujuk sebagai 'perayu-perayu') telah disabitkan dan dijatuhkan dengan hukuman gantung sampai mati untuk satu kesalahan membunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('KK') dibaca bersama s 34 KK oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 21 September 2023.
G Ini adalah rayuan perayu-perayu terhadap sabitan dan hukuman.

PERTUDUHAN

[2] Pertuduhan terhadap kedua-dua perayu ialah seperti berikut:
H

> Bahawa kamu pada 1.10.2020 di antara jam 12.00 tengahari hingga jam 1.00 petang bertempat di rumah beralamat No 10, Lorong Jati 1, Rumah Murah PKNS Blok A, Kg Baru Sungai Chua, 43000 Kajang, dalam Daerah Hulu Langat di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan bagi mencapai niat bersama kamu telah melakukan
I bunuh ke atas Devarajoo a/l Rengasamy (No KP: 610817–08–5415) dan oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

KES PENDAKWAAN

[3] 16 orang saksi telah dipanggil oleh pihak pendakwaan dan fakta kes pendakwaan telah dirumuskan oleh YA Hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') di dalam penghakimannya seperti berikut:

(a) Pada 1 Oktober 2020 jam lebih kurang 12 tengahari, Janaky a/p Supurmany ('SP11') yang merupakan isteri kedua yang dikahwini secara adat oleh Devarajoo a/l Rengasamy ('mangsa'), telah keluar dari rumah di No 10, Lorong Jati 1, Rumah Murah PKNS Blok A, Kg Baru Sungai Chua, Kajang ('rumah tempat kejadian') untuk menghantar dua orang cucu mangsa ke sekolah iaitu Sangitha a/p Devarajoo ('SP12') dan seorang lagi bernama Mohanas Sree ('Moganeswari'), dengan menaiki motorsikal;

(b) Sebelum bergerak ke sekolah, SP11 dan SP12 telah melihat tertuduh pertama (yang memakai *night dress*) dan tertuduh kedua (yang memakai tshirt dan seluar pendek) sedang berbual di kawasan garaj depan rumah;

(c) Lebih kurang baru lima minit meninggalkan rumah tempat kejadian tersebut, SP11 telah berpatah balik kerana secara tiba-tiba dimaklumkan bahawa Mohanas Sree (Moganeswari) berasa tidak sihat. Setelah sampai di rumah, SP12 telah mendekati mangsa yang masih di atas sofa di kawasan beranda rumah itu dan melihat mangsa dalam keadaan berlumuran darah. SP12 menjerit dan SP11 turut datang serta melihat mangsa yang berlumuran darah itu;

(d) Mohd Nasharuddin bin Mahat ('SP3') yang merupakan seorang jiran, telah datang ke rumah mangsa apabila mendengar kekecohan dan jeritan. SP3 telah membuat panggilan kecemasan untuk memanggil ambulan;

(e) Dalam keadaan kelam kabut itu, SP11 dan SP12 boleh melihat tertuduh pertama berdiri berdekatan dengan kereta di *porch*/garaj dan telah bertukar pakaian kepada tshirt dan seluar. Manakala tertuduh kedua tidak kelihatan di rumah itu;

(f) Setelah ambulan sampai, mangsa telah di bawa ke Hospital Kajang. Manakala tertuduh pertama telah membuat satu laporan polis iaitu Kajang Report No 29818/20 bertarikh 1 Oktober 2020 (eksh P24) iaitu pada petang hari yang sama menyatakan ia adalah kejadian samun kerana rantai leher emas yang dipakai oleh mangsa telah tiada. Siasatan awal kejadian tersebut di bawah s 394 Kanun Keseksaan diambil oleh Insp Mohamad Faeez bin Norzah ('SP10');

(g) Mangsa telah disahkan meninggal dunia pada 10 Oktober 2020. Siasatan pihak polis telah diklasifikasikan semula kepada s 302 Kanun Keseksaan dan diambil alih siasatan oleh ASP S Vekram a/l S Sinnaiah ('SP15');

(h) SP15 telah membuat siasatan lanjut dan telah melawat ke tempat kejadian. Hasil siasatan lanjut tersebut, SP15 telah mengarahkan penangkapan ke atas tertuduh pertama. Tangkapan ke atas tertuduh pertama telah dijalankan oleh Insp Mohd Hazrani bin Hashim (SP14) dan beliau telah membuat laporan polis penangkapan tersebut seperti mana dalam Kajang Report No 30880/20 (eksh P28) bertarikh 10 Oktober 2020;

(i) SP14 juga telah membuat tangkapan ke atas tertuduh kedua pada 17 Oktober

2020 seperti mana dalam laporan polis Kajang Report No 31682/20 (eksh P29);

(j) Hasil siasatan lanjut ke atas tertuduh kedua, tertuduh kedua telah memandu arah SP14 dan pasukan polis ke sebuah stor di Bukit Angkat, Kajang dan telah membawa kepada penemuan satu penukul besi (eksh P15(1)(A)) di kawasan stor dan seutas rantai leher emas (eksh P15(2)(B)) yang diletakkan dalam sarung tangan getah hitam (eksh P15(4)(A1)) di pangkal pokok pisang berhampiran dengan kawasan stor tersebut, seperti mana dilaporkan oleh SP14 dalam Kajang Report No 31683/20 (eksh P32 — dengan mengambil kira beberapa frasa ayat yang diputuskan supaya dipotong/*expunged*);

(k) Dr Khairul Anuar bin Zainun, Pakar Patologi Forensik ('SP8') yang telah menjalankan bedah siasat ke atas mayat mangsa menjelaskan tentang punca kematian mangsa (*cause of death*) iaitu akibat komplikasi pendarahan selaput otak, kesan dari trauma tumpul setempat yang dialami oleh mangsa pada bahagian kepala (*blunt-force trauma to the head*). Rujuk laporan bedah siasat bertarikh 15 Oktober 2020 (eksh P18).

[4] Sebanyak 41 alasan telah diberikan oleh perayu-perayu dalam petisyen rayuan mereka dan alasan-alasan tersebut boleh dirumuskan sepertimana berikut:

(a) ketiadaan keterangan yang dapat menunjukkan niat perayu-perayu untuk menyebabkan kematian mangsa;

(b) punca kematian mangsa yang diragukan; dan

(c) kegagalan HMT dalam menilai pembelaan perayu-perayu.

Alasan Pertama: Ketiadaan keterangan yang dapat menunjukkan niat perayu-perayu untuk menyebabkan kematian mangsa

[5] Perayu-perayu menghujahkan bahawa rantaian keterangan kes pendakwaan adalah lemah untuk mensabitkan mereka dengan kesalahan membunuh. Menurut perayu-perayu, walaupun pihak pendakwaan bergantung kepada keterangan bersandarkan keadaan, terdapat banyak rantaian keterangan yang telah terputus yang seharusnya membawa kepada penemuan yang menunjukkkan bahawa mereka tidak bersalah.

[6] Pertamanya, adalah dihujahkan bahawa sekiranya benar perayu-perayu yang telah menyebabkan kecederaan kepada badan mangsa, akan terdapat kesan DNA perayu-perayu pada pakaian atau senjata yang dikatakan digunakan oleh perayu-perayu. Namun demikian di dalam kes ini, tiada kesan-kesan DNA yang dijumpai pada ekshibit-ekshibit yang dihantar untuk ujian DNA yang dapat mengaitkan perayu-perayu dengan kejadian ini.

[7] Undang-undang berkaitan dengan sabitan salah yang semata-mata dibuat berasaskan keterangan bersandarkan keadaan adalah mantap. Hakikatnya, banyak kes-kes jenayah terutamanya kes yang melibatkan bunuh, sukar untuk pihak penyiasatan mendapatkan keterangan langsung (*direct evidence*).

[8] Prinsip penerimaan keterangan bersandarkan keadaan telah dijelaskan di dalam kes-kes duluan seperti *Sunny Ang v Public Prosecutor* [1966] 2 MLJ 195; [1965] 1 LNS 171*; Idris v Public Prosecutor* [1960] 1 MLJ 296; [1960] 1 LNS 40; *Chang Kim Siong v Public Prosecutor* [1968] 1 MLJ 36; [1967] 1 LNS 18*; Chan Chwen Kong v Public Prosecutor* [1962] 1 MLJ 307; [1962] 1 LNS 22*; Public Prosecutor v Magendran a/l Mohan* [2005] 6 MLJ 6; [2005] 3 CLJ 592 dan *Jayaraman & Ors v Public Prosecutor* [1979] 2 MLJ 88; [1982] CLJ Rep 130.

[9] Berkaitan dengan isu yang sama, Mahkamah Rayuan di dalam kes *Public Prosecutor v Shahrael Amer Suhaimi* [2014] MLJU 1910; [2014] 7 CLJ 380 telah memutuskan seperti yang berikut:

> [16] It is well settled to find culpability based on circumstantial evidence, the evidence must be sufficiently strong to convict. *When it relates to a charge of murder courts have convicted notwithstanding there was (i) no eye witness even after the crime was committed; (ii) no body of the deceased was found; (iii) no murder weapon was found; and (iv) no nexus to the murder was established save as to irresistible inference based on documentary evidence per se* (see *Sunny Ang v Public Prosecutor* [1966] 2 MLJ 195; [1965] 1 LNS 171). (Penekanan ditambah.)

[10] Mahkamah ini di dalam kes *Lingeswaran a/l Ramoo v Pendakwa Raya* [2017] MLJU 957; [2017] 1 LNS 873 telah juga menyimpulkan prinsip undang-undang mengenai penerimaan keterangan bersandarkan keadaan seperti berikut:

> [31] *Apa yang dapat kami simpulkan daripada prinsip-prinsip yang telah diputuskan dalam kes-kes di atas ialah bahawa dalam situasi seseorang hakim bicara dihadapkan dengan satu keadaan di mana kes pendakwaan bergantung sepenuhnya kepada keterangan mengikut keadaan, hakim bicara itu hendaklah memberi tumpuan kepada kesan kumulatif cebisan-cebisan keterangan mengikut keadaan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan memutuskan sama ada ia adalah mencukupi untuk mencapai satu-satunya keputusan yang boleh dibuat iaitu bahawa tertuduh adalah orang yang telah melakukan jenayah pembunuhan yang dipertuduhkan*. Sekiranya terdapat penjelasan yang munasabah mengenai keterangan itu, maka sabitan adalah tidak selamat. *Penilaian hendaklah dibuat dengan melihat keseluruhan keterangan mengikut keadaan yang telah dikemukakan sebelum kesimpulan mengenainya dibuat*. (Penekanan ditambah.)

[11] Berdasarkan prinsip yang diputuskan di atas, adalah jelas bahawa sekiranya keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan berasaskan keterangan bersandarkan keadaan, maka mahkamah perlu melihat keterangan-keterangan tersebut secara keseluruhan (*in totality*) dan bukannya secara berasingan (*in isolation*). Sekiranya terdapat hanya satu kesimpulan yang tidak boleh ditolak (*irresistible conclusion*), iaitu perayu-perayu yang melakukan perbuatan bunuh itu, maka sabitan berasaskan keterangan bersandarkan keadaan tersebut adalah selamat.

[12] Setelah menilai keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, mahkamah ini mendapati sekalipun tidak terdapat keterangan DNA yang dapat mengaitkan perayu-perayu dalam kes ini, tidak terdapat kekhilafan dalam penilaian keterangan yang telah dibuat oleh HMT. Mahkamah ini mendapati penilaian yang telah dibuat oleh HMT telah dibuat secara keseluruhan mengikut keadaan dan keterangan yang telah dikemukakan.

[13] Keterangan DNA hanyalah merupakan keterangan sokongan sekiranya ada. Mahkamah ini mendapati ketiadaan keterangan DNA semata-mata tidak dapat menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas keterangan bersandarkan keadaan yang 'overwhelming' yang telah dikemukakan di dalam kes ini.

[14] Mahkamah ini merujuk kepada dapatan dan penemuan yang telah dibuat oleh HMT dan bersetuju bahawa berasaskan keterangan bersandarkan keadaan yang dibentangkan oleh pihak pendakwaan, tidak ada inferens lain yang boleh dibuat melainkan perayu-perayulah yang telah melakukan kecederaan ke atas mangsa yang telah mengakibatkan kematian mangsa. Dapatan fakta HMT adalah seperti berikut:

> [19] Mangsa dalam kes ini adalah seorang lelaki India yang mempunyai masalah penglihatan/buta yang sudah lama dialaminya akibat daripada kemalangan. Pada hari-hari biasa, terdapat sembilan orang lain lagi (selain mangsa) yang tinggal bersama-sama mangsa di rumah tempat kejadian tersebut yang terdiri daripada tiga orang dewasa dan enam orang kanak-kanak, seperti berikut:
>
> (a) tertuduh pertama (isteri mangsa pertama);
>
> (b) tertuduh kedua (adik lelaki tertuduh pertama);
>
> (c) Janaky a/p Supurmany (SP11/isteri kedua mangsa;
>
> (d) Navaneethan a/l Devarajoo (SP13/anak dengan tertuduh pertama);
>
> (e) Sangitha a/p Devarajoo (SP12/cucu yang dijadikan anak angkat);
>
> (f) Kishok Kumar a/l Devarajoo (anak dengan tertuduh pertama);
>
> (g) Vaishnavi a/l Devarajoo (cucu/anak angkat);

(h) Varunavi a/l Devarajoo (cucu/anak angkat); dan

(i) Mohana Sree a/p Devarajoo (cucu/anak angkat).

[20] Walaupun mempunyai masalah penglihatan/buta, mangsa masih bekerja dengan bergantung kepada pemandu peribadinya iaitu Muniandy a/l Sivalingam (SP16) untuk membawa beliau ke mana-mana atas urusan kerja. Pada hari kejadian iaitu pada 1 Oktober 2020, SP16 tidak hadir bekerja kerana telah meminta cuti selama tiga hari dan pada hari kejadian tersebut beliau hanya duduk dirumah sahaja dan hanya datang ke rumah mangsa setelah menerima panggilan telefon memaklumkan mengenai kejadian yang berlaku ke atas mangsa.

[21] Menurut keterangan SP11 dan SP12, pada hari kejadian tersebut sebelum bergerak menuju ke sekolah, mereka telah nampak mangsa yang sedang duduk di atas sofa di bahagian beranda rumah tempat kejadian tersebut dengan memakai seluar pendek tanpa baju dan memakai rantai emas di leher yang telah biasa dan telah lama dipakai oleh mangsa. Malahan SP12 dan Mohana Sree telah menghampiri dan memeluk serta mencium mangsa untuk memaklumkan mereka akan ke sekolah. Sebelum bergerak ke sekolah, SP11 dan SP12 turut nampak tertuduh pertama dan tertuduh kedua yang sedang berbual di garaj di hadapan rumah seperti mana ditandakan dalam gambar rajah kasar (eksh P27). Pada masa itu, tertuduh pertama dikatakan memakai gaun baju tidur malam (*night dress*) dan tertuduh kedua memakai seluar pendek dan tshirt. Manakala empat orang laki kanak-kanak yang tinggal bersama di rumah tersebut tiada di rumah kerana mereka bersekolah sesi pagi.

[22] SP11 kemudiannya telah membawa kedua-dua cucu/anak angkat mangsa isitu SP12 dan Mohana Sree menaiki motorsikal menuju ke sekolah. Walau bagaimanapun, lebih kurang lima minit daripada rumah, Mohana Sree memaklumkan bahawa beliau tidak sihat. Oleh yang demikian, SP11 telah berpatah balik ke rumah. Sampai sahaja di hadapan rumah, SP12 terus menuju ke aras mangsa yang masih berada atas sofa yang sama. SP12 melihat badan mangsa yang berlumuran darah termasuk bahagian kepala mangsa. SP12 telah menjerit dan SP11 terus masuk dan melihat keadaan mangsa. Pada masa kekecohan itu, SP11 dan SP12 tidak melihat tertuduh pertama atau tertuduh kedua di situ. Namun tertuduh pertama hanya datang kemudian dan berdiri di tepi kereta yang diletakkan berdekatan dengan sofa tempat mangsa duduk. Pada Ketika itu, SP11 dan SP12 dalam keterangannya memaklumkan bahawa tertuduh pertama tidak lagi memakai *night dress* tetapi telah menukar pakaian kepada tshirt dan seluar pendek. Manakala tertuduh kedua tidak kelihatan.

[23] SP11 kemudiannya telah meminta bantuan daripada jiran untuk menghubungi ambulan. SP3 dalam keterangannya mengesahkan bahawa beliau merupakan jiran yang telah memanggil ambulan. SP11 telah menaiki ambulan tersebut mengiringi mangsa dalam ambulan tersebut menuju ke hospital. Manakala tertuduh pertama telah menaiki kereta bersama pemandu mangsa (SP16) yang telah tiba kemudian di rumah kejadian tersebut menuju ke hospital.

[24] Pada petang hari yang sama kejadian tersebut juga, tertuduh pertama telah membuat laporan polis (eksh P24) menyatakan bahawa tertuduh pertama telah mendengar jeritan kakaknya dan kemudiannya mendapati mangsa dalam keadaan cedera di kepala dan rantai emas yang dipakai mangsa juga turut hilang.

A [25] Insp Mohamad Faeez bin Norzah (SP10) merupakan pegawai penyiasat awal bagi kes yang mana pada mulanya diklasifikasi sebagai kes samun di bawah s 394 Kanun Keseksaan. SP10 telah merakam percakapan tertuduh pertama dan isteri kedua mangsa (SP11). SP10 turut merakam percakapan pemandu peribadi mangsa iaitu Muniandy al/ Sivalingam (SP16) dan juga anak lelaki mangsa.

B [26] Selepas mangsa disahkan meniggal dunia pada 10 Oktober 2019, kes telah diklasifikasikan semula untuk siasatan di bawah s 302 Kanun Keseksaan. Siasatan telah dijalankan seterusnya oleh Pegawai Penyiasat, ASP S Vekram a/l S Sinnaiah (SP15). Dalam menjalankan siasatan, SP15 telah mendapati sofa tempat kejadian di mana mangsa duduk kali terakhir sebelum kematiannya, telah tiada atau dibuang C oleh keluarga mangsa. SP15 juga telah masuk ke dalam stor menyimpan barangan katering yang mana menurut tertuduh pertama beliau berada dalam stor tersebut pada tengahari kejadian untuk mengemas barangan katering. Hasil siasatan dan pemerhatian SP15 mendapati stor tersebut hanyalah merupakan sebuah bilik kecil yang diletakkan barangan katering. Namun menurut SP15 keadaan dalam stor D tersebut adalah sangat berhabuk, sempit, panas dan barang-barang dalam keadaan berselerak. Hasil siasatan tidak menunjukkan perbuatan mengemas dan tidak munasabah untuk berada di dalamnya waktu tengahari yang sangat panas.

[27] SP15 juga telah mengarahkan mayat mangsa dihantar untuk tujuan bedah siasat yang telah dijalankan oleh Dr Khairul bin Zainun (SP8). Dalam bedah siasat E yang telah dijalankan keatas mayat mangsa, SP8 menemui adanya kesan luka mempertahankan diri atau pergelutan iaitu luka di bahagian tangan kiri dan kanan mangsa. SP8 turut menjelaskan bahawa corak kecederaan yang di alami mangsa adalah akibat ketukan atau pukulan dengan objek atau senjata tumpul yang menyebabkan kepatahan tulang tempurung kepala, pendarahan selaput otak dan F pembengkakan otak yang menyebabkan kematian mangsa. Menurut SP8 lagi bahawa berdasarkan corak kecederaan tersebut, ia boleh diakibatkan oleh ketukan atau pukulan dengan objek atau senjata tumpul yang mempunyai bahagian berbentuk bulat.

[28] Seterusnya tertuduh kedua pula telah ditangkap oleh Insp Mohd Hazrani G bin Hashim (SP14). Hasil siasatan ke atas tertuduh kedua pula telah membawa kepada pandu arah tertuduh kedua ke sebuah stor kitar semula di Bukit Angkat, Sg Chua, Kajang berhadapan kuil Sri Maha Kali Matha Ilham hingga membawa kepada penemuan sebuah penukul besi (eksh P15(1A)) yang diletakkan di atas tanah berdekatan stor tersebut dan seterusnya membawa pasukan polis ke rimbunan pokok pisang di mana ditemui satu sarung tangan hitam (eksh P15(A1)) H yang mengandungi seutas rantai leher emas berbentuk bulat-bulat (eksh P15(2B)).

[29] ASP Boby bin Tamat (SP6) merupakan pegawai forensik PDRM yang telah dipanggil ke lokasi tersebut bagi menjalankan 'swabbing' dan cap jari ke atas barang-barang kes yang ditemui serta membuat ukuran pada penukul besi berkenaan. SP6 telah menyerahkan semua barang kes yang ditemui kepada SP15 I sepeti mana dalam borang serah menyerah barang-barang kes (eksh P14).

[30] Keterangan saksi-saksi iaitu SP11, SP12, SP13 dan SP16 telah mengecam rantai emas tersebut yang dikemukakan dalam mahkamah yang merupakan rantai emas yang dipakai oleh mangsa semasa hidupnya. Sifat unit rantai emas itu juga membantu dalam proses pengecaman iaitu bentuk rantai leher bulat-bulat kecil.

Malahan isu pengecaman rantai leher emas ini juga tidak dibantah atau diragui semasa keterangan saksi-saksi pendakwaan oleh pihak pembelaan.

[31] Berdasarkan kepada keterangan saksi-saksi pendakwaan dan walaupun tiada saksi mata yang dapat dikemukakan, namun keterangan-keterangan ikut keadaan (*circumstantial evidence*) yang ada cukup kuat dan meyakinkan bahawa tertuduh pertama dan tertuduh kedua merupakan orang yang terakhir (*last seen person*) bersama mangsa di rumah tempat kejadian. Malahan perbezaan masa SP11, SP12 dan Mohana Sree mula meninggalkan rumah untuk ke sekolah dan berpatah balik ke rumah hanyalah lebih kurang sepuluh minit dan kedudukan mangsa yang masih kekal di atas sofa di halaman rumah itu. Hanya orang yang berada di rumah tersebut sahaja mengetahui mangsa berada di rumah ketika itu.

[32] Dalam kes *Kagatree a/p Pechi v Public Prosecutor and another appeal* [2023] 3 MLJ 154, rujukan telah dibuat kepada *Sarkar Law of Evidence*:

> [56] *Sarkar Law of Evidence* (18th Ed, Vol 1) p 140, states this:
>
> > The last seen theory comes into play where the time-gap between the point of time when the accused and the deceased were last seen alive and when the deceased is found dead is so small that possibility of any person other than accused being the author of the crimes becomes impossible ...

[33] Dalam kes di hadapan mahkamah ini, keterangan SP11 dan SP12 mengatakan bahawa semasa mereka hendak bergerak ke sekolah, tertuduh pertama dan tertuduh kedua dilihat berada di garaj di hadapan rumah tempat kejadian tersebut. Malahan tertuduh pertama dilihat sedang memakai night dress. Apabila SP11 dan SP12 sampai semula ke rumah setelah berpatah balik kerana Mohana Sree yang tidak sihat, mangsa masih pada kedudukan di atas sofa dan tertuduh pertama dan tertuduh kedua sudah tidak kelihatan di hadapan rumah. Jarak masa lebih kurang sepuluh minit daripada mula SP11 dan SP12 meninggalkan rumah hingga balik semula ke rumah adalah suatu masa yang singkat. Tertuduh pertama dan tertuduh kedua merupakan orang yang terakhir berada di rumah dan tiada orang lain lagi yang berada di rumah ketika itu.

[34] Tertuduh pertama hanya muncul kemudiaan dengan memakai seluar dan tshirt. Pembelaan cuba menyatakan pembelaan tertuduh pertama di peringkat kes pendakwaan lagi bahawa tertuduh pertama berada di stor barangan katering di hadapan rumah dan cuba menyatakan bahawa mangsa telah disamun disebabkan rantai leher emas yang dipakai mangsa telah tiada. Namun siasatan SP15 mendapati keadaan dalam stor barangan katering di garaj hadapan rumah adalah sangat berhabuk, sempit, panas dan barang-barang dalam keadaan berselerak yang tidak mungkin tertuduh pertama berada dalam stor tersebut pada waktu tengahari untuk mengemas barang-barang katering. Versi pembelaan untuk mengatakan mangsa telah disamun berdasarkan kehilangan rantai leher emas mangsa sedangkan cincin yang dipakai oleh mangsa masih ada adalah juga tidak meyakinkan mahkamah ini.

[35] Oleh yang demikian, berdasarkan penilaian secara keseluruhan keterangan-keterangan ikut keadaan dan 'last seen person theory', mahkamah ini berpuas hati dan membuat dapatan yang meyakinkan bahawa perbuatan tertuduh-tertuduh tersebut yang telah menyebabkan kecederaan atau bencana tubuh ke atas mangsa hingga mengakibatkan kematian mangsa.

[15] Perayu-perayu seterusnya menghujahkan bahawa HMT telah terkhilaf dalam dapatannya bahawa perayu-perayulah yang telah menyebabkan kecederaan atau bencana tubuh ke atas mangsa hingga mengakibatkan kematian mangsa berdasarkan teori 'last seen together'. Menurut perayu-perayu, memandangkan mereka sememangnya tinggal bersama mangsa, maka teori 'last seen together' tersebut tidak wajar dijadikan sandaran untuk mensabitkan mereka dalam kejadian ini.

[16] Nilai keterangan 'last seen together' antara lain adalah untuk menunjukkan peluang atau 'opportunity' seorang tertuduh untuk melakukan jenayah terhadap mangsa. Keterangan tersebut ialah merupakan keterangan sokongan yang menyokong keterangan-keterangan lain. Sekali lagi keterangan 'last seen together' ini tidak boleh dinilai secara berasingan. Teori 'last seen together' ini terpakai terutamanya bila jarak masa antara keberadaan seorang tertuduh bersama mangsa semasa mangsa dilihat masih hidup dengan kejadian adalah singkat dan kebarangkalian orang lain untuk melakukan jenayah ke atas mangsa adalah terlalu kecil atau 'remote'.

[17] Mahkamah Rayuan di dalam kes *Kagatree a/p Pechi v Public Prosecutor and another appeal* [2023] 3 MLJ 154 telah menerangkan dengan jelasnya teori 'last seen together' sepertimana berikut:

> ...
>
> [55] Next, counsel for the first appellant contended that the doctrine of 'last seen together' is not applicable against the first appellant as she was present at the place of the incident upon the request of the victim to clean house No 19. Thus, the first appellant was expected to be with the victim and conclusion cannot be made that she was the one who involved in the murder of the victim.
>
> [56] On this issue, the evidential value of 'last seen together' is, inter alia, to show that there was an opportunity for the person last seen with the victim to commit the offence against the victim. It is corroborative in nature which corroborates the other evidence presented by the prosecution. Consequently, the last person with the accused has to explain his presence with the victim at the material time. This theory or doctrine of last seen together is applicable especially when the time gap between the accused and the victim were last seen alive was very short which could exclude another person from committing the offence against the victim.
>
> [57] *Sarkar Law of Evidence* (18th Ed, Vol 1) p 140, states this:
>
> > *The last seen theory comes into play where the time-gap between the point of time when the accused and the deceased were last seen alive and when the deceased is found dead is so small that possibility of any person other than the accused being the author of the crime becomes impossible*. It would be difficult in some cases to positively establish that the deceased was last seen with the accused when there is a long gap and the possibility of other persons coming in between exist. In absence of any other positive evidence to conclude that the accused and the deceased were last seen together, it would be hazardous to come to a conclusion of guilt in those

cases. The circumstance of last seen together does not by itself and necessarily lead to the inference that the accused who committed the offence ... (Emphasis added.)

[58] In a recent case of *Salem ak Brayon v Public Prosecutor* [2023] 1 MLJ 441, this court had the opportunity to deal with the same issue and explained as follows:

[53] Our attention was drawn to the Indian Supreme Court decision of *Ashok v State of Maharashtra* [2015] 4 Supreme Court 393 where the Supreme Court of India held that:

'The 'last seen together' theory has been elucidated by this court in *Trimukh Marotiu Kirkan v State of Maharashtra* [2006] 10 SCC 106, in the following words:

'*Where an accused is alleged to have committed the murder of his wife and the prosecution succeeds in leading evidence to show that shortly before the commission of crime they were seen together or the offence takes place in the dwelling home where the husband also normally resided, it has been consistently held that if the accused does not offer an explanation how the wife received injuries or offers an explanation which is found to be false, it is a strong circumstance which indicates that he is responsible for commission of the crime*. Thus, the doctrine of last seen together shifts the burden of proof on the accused, requiring him to explain how the incident had occurred. Failure on the part of the accused to furnish any explanation in this regard, would give rise to a very strong presumption against him'.

[54] Under the circumstances of this case where, in our view, the 'last seen together' theory applies, the burden shifted to the appellant to proffer a strong and cogent explanation and rebut the presumption that his act or series of acts led to the deceased's death and the inference that he committed the acts. The absence of such an explanation would be detrimental to his defence. (See *Nika Ram v State of HP* [1972] 2 SCC 80 *Kanhaiya Lal v State of Rajasthan* [2014] 4 SCC 715). (Emphasis added.)

[59] Reverting to the present case, the evidence of 'last seen together' is not the only evidence presented by the prosecution. There is ample other evidence produced before the court as alluded to earlier, to show the first appellant's common intention with the second appellant's in the offence of murder against the victim. This is reflected in the trial judge's grounds of judgment which, inter alia, states:

[63] To conclude, it was evident that the first accused, Kagatree had committed the crime by participating in it based on the evidence from the CCTV recording, she was the last person markedly seen to be with the deceased. Furthermore, the loot was found in her presence and she was the one who gave directions to where the other stolen items were thrown away ...

[60] Further, the time gap between the appellants' last seen with the victim alive is only a short while before PW10 found the victim motionless in house No 19. We find the trial judge was not wrong in applying the doctrine of 'last seen together' against the appellants. (Penekanan ditambah.)

[18] HMT dalam dapatannya telah menilai pembelaan perayu-perayu

mengenai isu 'last seen together' dalam kes ini seperti berikut:

> [33] Dalam kes di hadapan mahkamah ini, keterangan SP11 dan SP12 mengatakan bahawa semasa mereka hendak bergerak ke sekolah, tertuduh pertama dan tertuduh kedua dilihat berada di garaj di hadapan rumah tempat kejadian tersebut. Malahan tertuduh pertama dilihat sedang memakai night dress. Apabila SP11 dan SP12 sampai semula ke rumah setelah berpatah balik kerana Mohana Sree yang tidak sihat, mangsa masih pada kedudukan di atas sofa dan tertuduh pertama dan tertuduh kedua sudah tidak lagi kelihatan di hadapan rumah. Jarak masa lebih kurang sepuluh minit daripada mula-mula SP11 dan SP12 meninggalkan rumah hingga balik semula ke rumah adalah suatu masa yang singkat. tertuduh pertama dan tertuduh kedua merupakan orang yang terakhir berada di rumah dan tiada orang lain yang berada di rumah ketika itu.
>
> [34] Tertuduh pertama hanya muncul kemudian dengan memakai seluar dan tshirt. Pembelaan cuba menyatakan pembelaan tertuduh pertama berada di dalam stor barangan catering di hadapan rumah dan cuba menyatakan bahawa mangsa telah disamun disebabkan rantai leher emas yang dipakai mangsa telah tiada. Namun siasatan SP15 mendapati keadaan dalam stor barangan catering di garaj hadapan rumah adalah sangat berhabuk, sempit, panas dan barang-barang dalam keadaan berselerak yang tidak mungkin tertuduh pertama berada dalam stor tersebut pada waktu tengahari untuk mengemas barang-barang catering. Versi pembelaan untuk mengatakan mangsa telah disamun berdasarkan kehilangan rantai leher emas mangsa sedangkan cincin yang dipakai oleh mangsa masih ada adalah juga tidak menyakinkan mahkamah ini.

[19] Mahkamah ini bersetuju dengan dapatan HMT. Apabila dinilai dengan keseluruhan keterangan yang lain yang akan dibincangkan seterusnya, adalah tidak dapat dinafikan bahawa perayu-perayu telah melakukan kecederaan ke atas mangsa yang telah mengakibatkan kematian mangsa.

[20] Di dalam kes ini, terdapat keterangan-keterangan yang menzahirkan motif khususnya di pihak perayu pertama untuk membunuh mangsa. Menurut saksi-saksi SP13 dan SP16, perayu pertama telah beberapa kali membuat percubaan melalui mereka untuk memasukkan ubat atau racun ke dalam makanan mangsa. Malahan perayu pertama pernah meminta SP16 mencari pembunuh upahan dengan bayaran upah RM20 ribu untuk membunuh mangsa. Walaupun pembelaan perayu pertama menyatakan serbuk yang dikatakan racun oleh SP13 dan SP16 sebenarnya adalah serbuk yang digunakan untuk upacara sembahyang, namun mahkamah ini mendapati keterangan-keterangan SP13 dan SP16 apabila dinilai secara kumulatif, menzahirkan bahawa terdapat ketidakpuasan hati di pihak perayu pertama terhadap mangsa sejak mangsa membawa SP11 sebagai isteri keduanya tinggal bersama mereka.

[21] Mahkamah ini mengambil maklum bahawa motif bukanlah merupakan inti pati pertuduhan yang perlu dibuktikan oleh pihak

pendakwaan. Walau bagaimanapun, motif adalah relevan dan merupakan keterangan sokongan kepada keterangan bersandarkan keadaan dalam kes ini. Mahkamah Rayuan di dalam kes *Mohd Naki bin Mohd Yusuf v Public Prosecutor* [2013] 5 MLJ 812 melalui penghakiman Syed Ahmad Helmy HMR telah menerangkan seperti yang berikut:

> [21] *On the issue of motive, though it is not an element of a murder charge nevertheless it is a relevant fact to be taken into consideration*. The challenge by the appellant is that the estranged wife SP18 who was having a love affair with the deceased had the requisite motive to fix up the appellant with the murder of the deceased. The motive is further amplified by the threats of SP18 on several occasion to send the appellant to prison. Hence it is totally unsafe to convict the appellant without giving adequate consideration to the motive of SP18 which would have a negative bearing on the element of intention on the part of the appellant in causing the death of the deceased.
>
> [22] *The learned trial judge addressed his mind to the motive factor*. At p 232 of the appeal record he found that the marital relationship between the appellant and SP18 had broken down occasioned by frequent quarrels. Jealousy would invariably envelope the appellant upon seeing the deceased establishing a close relationship with SP18, the level of jealously being dependent on the individual capacity to cope. In the circumstances we are of the view that though the trial judge did not direct his mind to the motive of SP18 vis a vis the appellant nevertheless the failure as such does not absolve the appellant from his culpability. This is because there is overwhelming circumstantial evidence to attach culpability on the appellant for the murder of the deceased. (Penekanan ditambah.)

[22] Berpandukan keputusan kes di atas, mahkamah ini mendapati tidak ada kekhilafan di pihak HMT yang mengarahkan mindanya kepada kewujudan motif di pihak perayu pertama semasa melakukan jenayah yang dipertuduhkan terhadapnya bersama adiknya, perayu kedua. Berasaskan keterangan bersandarkan keadaan, kami mendapati bahawa HMT tidak terkhilaf dalam membuat inferens bahawa perayu-perayu telah dengan niat hendak menyebabkan kecederaan tubuh mangsa, dan kecederaan tubuh yang dimaksudkan hendak dikenakan itu adalah cukup, pada lazimnya menyebabkan kematian, berdasarkan kepada alasan-alasan berikut:

(a) SP11, SP12, SP13 dan SP16 mengesahkan bahawa perayu pertama selalu bergaduh dengan mangsa dan sudah lama tidak bercakap. Mereka hanya bercakap apabila pergaduhan berlaku. Apabila ditanya punca pergaduhan semuanya mengatakan ia akibat duit yang dipinjam oleh mangsa daripada perayu pertama yang belum dibayar. Malahan SP13 juga mengatakan bahawa perayu pertama marah apabila mangsa membawa masuk SP11 (isteri kedua mangsa) tinggal bersama-sama;

(b) keterangan SP13 (iaitu anak kandung lelaki perayu pertama dan mangsa) menzahirkan perayu pertama pernah menceritakan masalah mangsa dengan perayu pertama. Perayu pertama juga pernah mengatakan

bahawa beliau tidak berpuas hati dengan mangsa dan meminta SP13 memasukkan serbuk ke dalam makanan mangsa. Namun SP13 enggan berbuat demikian dan sekadar mengiyakan sahaja arahan perayu pertama. Hal ini berlaku sekitar dua bulan sebelum kejadian mangsa dibunuh;

(c) SP16 yang merupakan pemandu peribadi mangsa juga memberi keterangan bahawa mangsa dan perayu pertama kerap bergaduh berpunca daripada duit. Malahan SP16 juga pernah disuruh oleh perayu pertama untuk memasukkan racun dalam kopi mangsa tetapi SP16 tidak melakukannya. Sebaliknya SP16 memberitahu SP13 dan SP13 seterusnya mengambil botol berisi racun tersebut dan dibuang ke dalam parit. Menurut SP16 lagi perayu pertama pernah bertanya kepada beliau jika mengetahui mana-mana orang yang sanggup untuk membunuh mangsa dan akan diberikan upah RM20 ribu; dan

(d) manakala perayu kedua pula adalah adik lelaki perayu pertama yang telah membawa dan memandu arah pihak polis hingga menemui tukul besi serta rantai leher emas milik mangsa.

[23] Mahkamah ini mendapati pembelaan perayu pertama yang menyatakan bahawa mangsa telah dicederakan semasa kejadian rompakan ternyata tidak benar berdasarkan penemuan tukul besi serta rantai leher emas milik mangsa oleh pihak polis hasil daripada tunjuk arah oleh perayu kedua. HMT dalam dapatannya menyatakan sepertimana berikut:

> [48] ... Perihal tangkapan ke atas tertuduh kedua dan perihal pandu arah tersebut telah dinyatakan dalam laporan polis yang dibuat oleh SP14 (eksh P32 dan eksh P33). Tanpa pandu arah oleh tertuduh kedua kepada pihak polis, sudah pasti barang-barang yang dirampas tersebut tidak akan ditemui. Melihat kepada kedudukan barang-barang tersebut ditemui di mana rantai leher emas milik mangsa diletakkan dalam sarung tangan hitam yang diletakkan dalam surat khabar dan plastik serta disorokkan pada pangkal rumpun pokok pisang berdekatan kawasan stor di Bukit Angkat, Kajang itu pastilah agak mustahil untuk ditemui oleh pihak polis tanpa dipandu arah oleh sesiapa atau tertuduh kedua.

[24] Selain itu, salah satu daripada alasan petisyen rayuan perayu-perayu ialah HMT telah terkhilaf dalam mengaplikasikan s 27 Akta Keterangan 1950. Namun begitu, tidak dihujahkan secara lanjut di manakah atau bagaimanakah kekhilafan tersebut berlaku apabila HMT memutuskan untuk menerima keterangan pandu arah oleh perayu kedua bersandarkan pemakaian s 27 Akta Keterangan 1950 dalam kes ini.

[25] Seksyen 27 Akta Keterangan 1950 memperuntukkan:

> 27 How much of information received from accused may be proved

(1) When any fact is deposed to as discovered in consequence of information received from a person accused of any offence in the custody of a police officer, so much of that information, whether the information amounts to a confession or not, as relates distinctly to the fact thereby discovered may be proved.

[26] Di dalam kes *Amathevelli a/p Ramasamy v Public Prosecutor* [2009] 2 MLJ 367, Mahkamah Persekutuan telah menjelaskan bahawa s 27 Akta Keterangan 1950 terpakai apabila terdapat keterangan lisan yang mengandungi informasi atau maklumat yang diberikan. Mahkamah Persekutuan menyatakan:

In commenting on the manner of giving evidence of information received under s 27, Augustine Paul J (as he then was) said in *Public Prosecutor v Hashim bin Hanafi* at pp 185–186:

Information given under s 27 is not a matter that is required by law to be in writing so as to be governed by ss 91 and 92 of the Act. Therefore the information must be proved by oral evidence pursuant to s 60(b) of the Act. Thus a written record of the information given by the accused will not by itself be substantive evidence of its contents and it is what the witness deposes in court as having been said by the accused that will be evidence (see Bhagirath). Where the information is contained in a police diary it can only be used for the purpose of refreshing memory (see *Public Prosecutor v Er Ah Kiat* [1966] 1 MLJ 9). Where it is contained in any other document it can, at the highest, serve only as evidence of corroboration. It is on this basis that a report prepared by a chemist pertaining to his analysis of drugs cannot be tendered as substantive evidence of its contents but only as corroboration of his oral evidence in court under s 157 of the Act (see *Saw Thean Teik v R* [1953] 1 MLJ 124; *Muhammed bin Hassan v Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 273). The purpose of corroboration is not to give validity or credence to evidence which is deficient or suspect or incredible but only to confirm and support that which as evidence is sufficient and satisfactory and credible (see *DPP v Hester* [1972] 3 All ER 1056). Its role is to confirm other evidence in the sense that it renders that other evidence more probable (see *Doney v R* (1990) 171 CLR 207; *DPP v Kilbourne* [1973] AC 729). It cannot therefore amount to that other evidence itself. *Thus the record of an information will only enhance the credibility of the witness and the absence of it cannot render the oral evidence of it inadmissible; nor can it be a substitute for the evidence that it is meant to corroborate*. (Penekanan ditambah.)

[27] Berdasarkan P32, SP14 telah membuat laporan bahawa perayu kedua telah memaklumkan bahawa 'tukul dan rantai simpan di stor kakak saya di Bukit Angkat'.

[28] Mahkamah Agung pada ketika itu di dalam kes *Krishnan v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 292 telah menyatakan:

A second hurdle, in our view would be s 27 of the Evidence Act, which for ease of reference ...

A As was said in *Tan Hung Seng v Rex* [1951] 1 MLJ 181 it allows so much of the information as distinctly relates to the facts discovered to be admissible in evidence.

Section 27 of the Evidence Act is not intended to let in a confession generally and not one word more of the information which the accused supplied should be given in evidence than is strictly necessary to show how the fact which was discovered is connected with the B *accused so as in itself to be a relevant fact against him*. (Penekanan ditambah.)

[29] Mahkamah ini mendapati bahawa maklumat tersebut boleh diterima masuk sebagai keterangan di bawah s 27 kerana memenuhi syarat-syarat berikut: C

(a) keterangan yang ingin diberikan adalah relevan kepada isu di dalam kes ini; dan

(b) fakta yang ditemui (*discovered*) diperoleh hasil daripada maklumat yang diterima daripada seorang tertuduh yang pada ketika itu sudah ditangkap D dan berada dalam tahanan pihak polis;

(c) fakta yang ditemui hanyalah setakat lokasi di mana tukul dan rantai disimpan dan penemuan tukul dan rantai emas milik mangsa; dan

E (d) tanpa maklumat yang diberikan oleh perayu kedua, tukul dan rantai mangsa tidak mungkin diketahui dan ditemui oleh pihak polis.

[30] Keterangan penemuan tukul dan rantai mangsa hasil dari tunjuk arah oleh perayu kedua sekalipun tidak boleh diterima masuk menurut s 27 Akta F Keterangan 1950, keterangan tersebut masih boleh diterima masuk menurut s 8 Akta Keterangan 1950 yang menyatakan:

8 Motive, preparation and previous or subsequent conduct

(1) Any fact is relevant which shows or constitutes a motive or preparation for any fact in issue or relevant fact. G

(2) The conduct of any party, or of any agent to any party, to any suit or proceeding in reference to that suit or proceeding, or in reference to any fact in issue therein or relevant thereto, and the conduct of any person an offence against whom is the subject of any proceeding, is relevant if the conduct influences or is influenced by any fact in issue or relevant fact, and whether it was previous or subsequent thereto. H

[31] Di dalam kes *Amathevelli a/p Ramasamy* walaupun maklumat yang diberikan oleh tertuduh di dalam kes tersebut telah ditolak oleh mahkamah atas alasan ketiadaan maklumat lisan yang diberikan oleh tertuduh, namun I mahkamah telah menerima masuk keterangan penemuan barang kemas menurut s 8 Akta Keterangan 1950. Mahkamah Persekutuan menjelaskan:

EVIDENCE OF SUBSEQUENT CONDUCT

[31] *The inadmissibility of the information supplied by the appellant does not affect the admissibility of the evidence of her subsequent conduct under s 8 of the Evidence Act*

1950 irrespective of s 27. As Chinnappa Reddy J said in *Prakash Chand v State* AIR 1979 SC 400 at p 404:

> The evidence of the circumstances, simpliciter, *that an accused person led a police officer and pointed out the place where stolen articles or weapon which might have been used in the commission of the offence were found hidden, would be admissible as conduct, under s 8 of the Evidence Act, irrespective of whether any statement by the accused contemporaneously will or antecedent to such conduct falls within the purview of s 27 of the Evidence Act* (vide *Himachal Pradesh Administration v Om Prakash* AIR 1972 SC 975).

[32] The evidence of conduct of the appellant in this case are as follows:

(a) bringing the police team to her house;

(b) using the key attached to the chain that she was wearing to open the cupboard;

(c) taking out a folded green blouse from the cupboard; and

(d) taking out from the blouse a folded handkerchief containing P40 and P44A–F which belonged to the deceased.

[33] SP10 said in his evidence that he had never seen the gold chain before. SP7 said that the gold chain that the deceased was wearing on the fateful morning was missing. He identified P40 and P44A–F as that of the deceased. Thus the appellant was clearly in possession of recently stolen goods. *Under s 114(a) of the Evidence Act 1950 it may be presumed that a man who is in possession of stolen goods soon after the theft is either the thief or has received the goods knowing them to be stolen, unless he can account for his possession. This presumption can also be indicative of any other more aggravated crime which has been connected with the theft.*

As Matthew CJ said in *Abdullah bin Saad v Public Prosecutor* [1956] 1 MLJ 92 at pp 92–93:

> Presumably, the statutory presumption was illustration (a) of s 114 of the Evidence Ordinance, which reads:
>
> The court may presume —
>
> (a) that a man who is in possession of stolen goods soon after the theft is either the thief or has received the goods knowing them to be stolen, unless he can account for his possession;
>
> *Wills on Circumstantial Evidence* (7th Ed), p 104 has the following passage:
>
> The possession of stolen goods recently after the loss of them, may be indicative not merely of the offence of larceny, or of receiving with guilty knowledge, but of any other more aggravated crime which has been connected with theft. Upon an indictment for arson, proof that property which was in the house at the time it was burnt, was soon afterwards found in the possession of the prisoner, was held to raise a presumption that he was present at, and concerned in, the offence; *R v Rockman (1789) 2 East PCp 1035* , and see *R v Fuller* (1816) R & R 308. This particular fact of presumption commonly forms also a material element of evidence in cases of murder; which special application of it has often been

emphatically recognised. It is upon the same principle that a sudden and otherwise inexplicable transition from a state of indigence and a consequent change of habits or a profuse or unwanted expenditure inconsistent with the position in life of the party, is sometimes a circumstance extremely unfavourable to the supposition of innocence (*R v Burdock*) (murder by poison) Bristol Assn Ap 1835, Cor: Sir Charles Wetherell, Recorder.

But the rule must be applied with discrimination, for the bare possession of stolen property, though recent, uncorroborated by other evidence, is sometimes fallacious and dangerous as a criterion of guilt.

In the present case, the only evidence to connect the appellant with the killing is the possession of two pieces of jewellery, the property of the deceased, and it is not certain that they were on the deceased's person on the day of his death. In our view, this did not supply sufficient evidence on which to found a conviction for murder, and we accordingly allowed the appeal and directed that the appellant should be discharged.

[34] *In this case the deceased was wearing the gold chain at the time of her death. This is a material element to connect the appellant to the murder of the deceased*. This is further supported by other evidence such as, the acid injury on the appellant's lips and arm when the deceased also had acid injuries and the presence of the Yamaha motorcycle at the deceased's shop at about 7.05am on the material date. Thus, the evidence is sufficient to convict the appellant for the murder of the deceased. *The inferences drawn from the evidence of conduct of the appellant will remain as she has not explained them pursuant to s 9 of the Evidence Act 1950*. As Augustine Paul FCJ said in the judgment of this court in *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19 at p 44:

If the explanation is accepted by the court then the inference arising from the conduct is rebutted. If it is not accepted or if the accused does not explain his conduct the inference remains unrebutted.

[35] Similarly the presumption arising from s 114(a) of the Evidence Act 1950 also remains as the possession of the gold chain by the appellant has not been explained by her as required. (Penekanan ditambah.)

[32] Mahkamah ini mendapati keterangan tunjuk arah perayu kedua dan penemuan tukul serta rantai leher emas milik mangsa yang diletakkan di dalam sarung tangan hitam yang diletakkan di dalam surat khabar dan plastik serta disorokkan pada pangkal rumpun pokok pisang berdekatan kawasan stor di Bukit Angkat adalah relevan menurut s 8 Akta Keterangan 1950. Keterangan tersebut membuktikan pengetahuan perayu kedua berkenaan senjata yang digunakan yang telah mendatangkan kecederaan kepada mangsa yang mengakibatkan kematiannya. Dalam kes *AN Venkatesh and another v State of Karnataka* [2005] 7 SCC 714, Mahkamah Agung India telah menjelaskan lagi dan memutuskan sepertimana berikut:

By virtue of s 8 of the Evidence Act, the conduct of the accused person is relevant, if such conduct influences or is influenced by any fact in issue or relevant fact. The

evidence of the circumstance, simpliciter that the accused pointed out to the police officer, the place where the dead body of the kidnapped boy was found and on their pointing out the body was exhumed, would be admissible as conduct under s 8 irrespective of the fact whether the statement made by the accused contemporaneously with or antecedent to such conduct falls within the purview of s 27 or not as held by this court in *Prakash Chand v State (Delhi Admn)* [1979] AIR 400. Even if we should (sic) that the disclosure statement made by the accused appellants (exhs P15 and P16) is not admissible under s 27 of the Evidence Act, still it is relevant under s 8. The evidence of the Investigating Officer and PWs 1, 2, 7 and PW4 the spot mahazar witness that the accused had taken them to the spot and pointed out the place where the dead body was buried, is an admissible piece of evidence under s 8 as the conduct of the accused. Presence of A-1 and A-2 at a place where ransom demand was to be fulfilled and their action of fleeing on spotting the police party is a relevant circumstance and are admissible under s 8 of the Evidence Act.

[33] Mahkamah ini juga merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Pathmanabhan a/l Nalliannen v Public Prosecutor and other appeals* [2017] 3 MLJ 141; [2017] 4 CLJ 137 berkaitan dengan kelakuan menunjukan barang kes yang digunakan dalam jenayah sepertimana berikut:

At any rate it is apposite to clarify here that even if information pursuant to s 27 of the EA is found inadmissible, that piece of inadmissible evidence does not automatically affect the admissibility of the evidence of subsequent conduct under s 8 of the EA (*Amathevelli a/p P Ramasamy v Public Prosecutor* [2009] 2 MLJ 367; [2009] 3 CLJ 109; *Prakash Chand v State (Delhi Administration)*).

That conduct of pointing to the places where the items were discovered by the second and fourth accused persons, which was subsequent to an offence, falls squarely within the ambit of 'the conduct of any person an offence against whom is the subject of any proceeding'.

As held by the Court of Appeal, we hold that the conduct of pointing to the places where the items were found is relevant and admissible (*Prakash Chand v State (Delhi Administration)* 1979 AIR 400). Chinnappa Reddy J said at p 404:

The evidence of the circumstances, simpliciter, that an accused person led a Police Officer and pointed out the place where stolen articles or weapons which might have been used in the commission of the offence were found hidden, would be admissible as conduct, under s 8 of the Evidence Act, irrespective of whether any statement by the accused contemporaneously with or antecedent to such conduct falls within the purview of s 27 of the Evidence Act ...

The conduct of the second and fourth accused persons is consistent with them knowing of the places where the items connected to the crime of murder were disposed of. This view is consistent with the view held by the learned trial judge where he said:

The only inference that I could make on the conduct of the second and fourth accused in providing the information in this case was that they were in possession of the items found and had tried to destroy and conceal these items by scattering and leaving them at various places.

A We are also satisfied that the act of pointing by the second and fourth accused persons at the spots where items connected to the murder were found is admissible as conduct, as provided for under s 8 of the EA. (Penekanan ditambah.)

B **[34]** Bagi pihak perayu pertama telah dihujahkan bahawa kelakuan atau tindak tanduknya selepas kejadian telah menunjukkan bahawa dia tidak terlibat dengan perbuatan membunuh suaminya iaitu mangsa. Di dalam huhajan, perayu pertama dikatakan telah kelihatan menangis semasa melihat mangsa berlumuran darah. Perayu pertama juga dikatakan telah pergi ke hospital melihat mangsa selepas mangsa dibawa ke hospital dan telah pun membuat laporan polis pada petang kejadian. Perayu pertama juga dikatakan tidak melarikan diri semasa kejadian. Kelakuan perayu pertama itu dikatakan tidak menunjukkan niat di pihaknya untuk membunuh suaminya.

D **[35]** Mahkamah ini berpandangan bahawa kelakuan perayu pertama yang dinyatakan di atas tidak membawa apa-apa keraguan kepada kes pendakwaan. Pembuktian niat di pihak perayu pertama dan kedua boleh dilihat semasa dan sejurus selepas kejadian, dan dapat disimpulkan (*infer*) melalui keterangan-keterangan berikut:

E (a) perayu pertama telah beberapa kali meminta bantuan SP13 dan SP16 untuk cuba membunuh mangsa;

(b) perayu pertama dan perayu kedua ialah adik beradik yang tinggal serumah dengan mangsa dan mereka mengetahui bilakah mangsa F berseorangan serta mempunyai peluang untuk membunuh mangsa;

(c) perayu kedua telah menunjuk arah kepada penemuan senjata yang digunakan dan rantai emas milik mangsa yang telah disembunyikan di kawasan berhampiran stor milik perayu pertama. Oleh sebab itulah, G perayu kedua tidak berada di tempat kejadian selepas sahaja kejadian dan semasa kekecohan berlaku apabila SP12 melihat keadaan mangsa berlumuran darah di tempat kejadian; dan

(d) perayu pertama telah menukar pakaian semasa kejadian. Menurut SP15, perayu pertama menyatakan kepadanya bahawa dia sedang berada di H dalam stor berhampiran rumah tempat kejadian dan sedang mengemas stor semasa kejadian. Namun demikian, SP15 mendapati keadaan stor tersebut berselerak dan tidak menunjukkan perbuatan mengemas oleh sesiapa.

I *Alasan kedua: Punca kematian si mati yang diragukan*

[36] HMT telah dihujahkan terkhilaf apabila gagal memberikan pertimbangan dan membuat dapatan bahawa kematian mangsa boleh terjadi akibat jangkitan paru-paru ('pneumonia') dan/atau masalah dengan

penglihatan/buta. Dalam kata lain, perayu-perayu mengatakan bahawa dalam keadaan mangsa yang tidak mati serta merta di tempat kejadian dan sekiranya mangsa diberi rawatan yang sewajarnya, rantaian keterangan adalah terputus dalam membuktikan bahawa perayu-perayu telah menyebabkan kematian mangsa.

[37] Mahkamah ini mendapati bahawa sebab kematian mangsa adalah jelas. Keterangan SP8 sebagai 'forensic pathologist' telah membantu HMT dalam membuat dapatan bahawa kecederaan yang dialami oleh mangsa adalah 'sufficient in the ordinary course of nature to cause death'.

[38] Pertimbangan mengenai kesan bencana tubuh yang diniatkan bagi maksud s 300(c) KK hendaklah dibuat secara objektif. Menurut SP8, kecederaan yang dialami oleh mangsa ialah di bahagian 'vital' iaitu di bahagian kepala apabila tempurung kepala mangsa telah pecah sehingga menyebabkan pendarahan di selaput otak, mengakibatkan otak mangsa membengkak dan kecederaan inilah yang telah mengakibatkan mangsa menemui ajalnya.

[39] SP8 mengesahkan corak kecederaan yang dialami oleh mangsa adalah akibat daripada ketukan atau pukulan dengan objek atau senjata tumpul yang agak unik kerana sebahagiannya berbentuk bulat. Apabila dirujuk dengan senjata tukul semasa perbicaraan, SP8 telah bersetuju bahawa senjata tersebut boleh dijadikan senjata untuk mengakibatkan kecederaan seperti yang dialami oleh mangsa. SP8 telah menjelaskan bahawa keseluruhan dapatan bedah siasat pada bahagian kepala dan juga jenis-jenis pendarahan di selaput otak dan keadaan otak mangsa yang membengkak adalah kecederaan yang telah menyebabkan kematian mangsa. Jangkitan paru-paru (*pneumonia*) yang turut dijumpai semasa bedah siasat boleh menyumbang dalam mempercepatkan kematian mangsa pada waktu tersebut dan bukan penyebab kematian mangsa.

[40] Menurut SP2 iaitu pegawai perubatan yang merawat mangsa, kecederaan di bahagian kepala mangsa cukup untuk menyebabkan kematiannya. Rawatan yang diberikan dan pembedahan yang dijalankan ke atas mangsa hanya sekadar memanjangkan hayat mangsa. Walau bagaimanapun, mangsa dikatakan tetap akan mati akibat daripada kecederaan yang dialaminya.

[41] Setelah meneliti keterangan-keterangan yang dikemukakan semasa perbicaraan, mahkamah ini mendapati walaupun mangsa telah mati sepuluh hari selepas tarikh kejadian, kecederaan yang dialaminya jatuh di bawah s 300(c) KK. Keterangan yang telah diberikan oleh SP8 dan SP2 apabila dinilai dengan keterangan-keterangan bersandarkan keadaan yang telah dikemukakan membawa kepada 'irresistable conclusion' bahawa perayu-perayu telah melakukan perbuatan dengan niat hendak menyebabkan

bencana tubuh kepada mangsa dan bencana tubuh yang telah dilakukan itu cukup pada lazimnya menyebabkan kematian mangsa.

Alasan ketiga: Kegagalan HMT dalam menilai pembelaan perayu-perayu

[42] Perayu-perayu berhujah bahawa HMT telah gagal menimbang fakta-fakta yang menyebelahi mereka dan ini termasuklah tindakan perayu pertama yang telah membuat laporan polis yang menyatakan bahawa mangsa telah dirompak dan perayu kedua sempat melarikan diri sedangkan perayu pertama tidak sempat berbuat demikian.

[43] Perayu-perayu telah memberikan keterangan tidak bersumpah dari kandang orang salah. Mahkamah ini mendapati HMT telah merujuk kepada nas-nas mengenai pemberatan yang harus diberikan kepada keterangan sedemikian.

[44] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor and another appeal* [2015] 2 MLJ 293; [2015] 2 CLJ 145 telah membuat pemerhatian mengenai keterangan tanpa sumpah seperti berikut:

> In law, a trial judge will not give much weight to what an accused has said in his unsworn statement as he is not subject to cross-examination by the prosecution nor can he be questioned by the trial judge.

[45] Mahkamah Persekutuan di dalam kes yang sama telah menyatakan lagi:

> While it is true that it is within the appellant's right to give a statement from the dock, that statement must however amount to a credible defence. A mere denial does not amount to a credible defence

[46] Pemberatan yang harus diberikan kepada keterangan tanpa sumpah telah juga diterangkan di dalam kes *Juraimi bin Husin v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 63; [1998] 72 CLJ 383. Di dalam kes tersebut, Mahkamah Rayuan telah merujuk kepada kes *DPP v Walker* [1974] 1 WLR 1090, seperti berikut:

> ... *DPP v Walker* [1974] 1 WLR 1090, explained the way in which a trial judge was entitled to sum-up on the weight that a jury might give to an unsworn statement. His Lordship said (at p 1096):
>
> Much depends on the particular circumstances of each case. In the present case, for example, even on the approach that everything the respondent said in his unsworn statement was true, no jury (unless perverse) could have acquitted him on the ground of self defence. There are however cases in which the accused makes an unsworn statement in which he seeks to contradict or explain away evidence which has been given against him or inferences as to his intent or state of mind which would be justified by that evidence. In such cases (and their Lordship stress that they

are speaking only of such cases) the judge should in plain and simple language make it clear to the jury that the accused was not obliged to go into the witness box but that he had a completely free choice either to do so or to make an unsworn statement or to say nothing. *The judge could quite properly go on to say to the jury that they may perhaps be wondering why the accused had elected to make an unsworn statement; that it could not be because he had any conscientious objection to take the oath since, if he had, he could affirm. Could it be that the accused was reluctant to put his evidence to the test of cross-examination? If so why? He had nothing to fear from unfair questions because he would be fully protected from these by his own counsel and by the court. The jury should always be told that it is exclusively for them to make up their minds whether the unsworn statement had any value, and if so, what weight should be attached to it, that is for them to decide whether the evidence of the prosecution had satisfied them of the accused's guilt beyond reasonable doubt, and that in considering their verdict they should give the accused's unsworn statement only such weight as they may think it deserves*. (Penekanan ditambah.)

[47] Mahkamah ini telah meneliti keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan di peringkat pendakwaan dan keterangan tidak bersumpah perayu-perayu. Mahkamah ini bersetuju dengan dapatan HMT bahawa pembelaan yang kemukakan oleh perayu-perayu adalah bersifat penafian semata-mata dan tambahan pula, keterangan perayu-perayu telah diberikan secara tidak bersumpah, maka tidak banyak pemberatan yang wajar diberikan kepada keterangan perayu-perayu. HMT tidak terkhilaf semasa mendapati pembelaan perayu-perayu tidak dapat menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.

PENUTUP

[48] Berdasarkan alasan-alasan yang dibincangkan di atas, mahkamah ini telah menolak rayuan perayu-perayu terhadap sabitan.

[49] Berkaitan dengan hukuman, mahkamah ini sebulat suara membenarkan rayuan ke atas hukuman oleh kedua-dua perayu. Mahkamah ini menggunakan budi bicara sepertimana yang termaktub dalam Akta 846 yang memperuntukkan budi bicara kepada mahkamah sama ada untuk menjatuhkan hukuman mati ataupun hukuman penjara tidak kurang dari 30 tahun dan tidak lebih dari 40 tahun serta 12 kali sebatan.

[50] Mahkamah ini berpendapat bahawa kedua-dua perayu wajar diberikan peluang untuk kembali ke pangkuan keluarga dan masyarakat setelah selesai menjalani hukuman penjara. Oleh hal yang demikian, mahkamah ini telah memerintahkan sepertimana berikut:

(a) perayu pertama — 33 tahun penjara dari tarikh tangkap (10 Oktober 2020) dan tiada sebatan rotan; dan

A (b) perayu kedua — 33 tahun penjara dari tarikh tangkap (17 Oktober 2020) dan 12 sebatan.

Rayuan terhadap sabitan ditolak; rayuan terhadap hukuman dibenarkan.

B Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar

C

D

E

F

G

H

I